SAMPEL PERCUMA

Soalan Struktur Pengajian Am Semester 1 + Jawapan

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Daerah Batu Pahat (Johor)

1. Nyatakan **tiga** fungsi Badan Kehakiman. [3m]

- Melindungi hak-hak manusia daripada pencerobohan pihak eksekutif, orang persendirian dan orang-orang tertentu.
- Mempunyai kuasa mentafsir Perlembagaan dan undang-undang.
- Mengisytiharkan sah atau tidak sebarang undang-undang atau tindakan.
- Menjadi pentadbir keadilan dengan membicarakan kes-kes sivil dan jenayah di Malaysia.
- Menyemak undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

2(a) Nyatakan **dua** fungsi utama Suruhanjaya Pilihan Raya. [2m]

- Membuat kajian dan persempadanan semula bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri tidak kurang 8 tahun dari Tarikh persempadanan semula yang terdahulu.
- Menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih.
- Menjalankan Pilihan Raya Umum bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, dan Pilihan Raya Kecil sekiranya berlaku kekosongan.

2(b) Nyatakan **dua** kriteria persempadanan semula yang dilakukan mengikut Perlembagaan Persekutuan. [2m]

- Jumlah pemilih yang hampir seimbang
- Tidak melangkau sempadan negeri
- Terdapat kemudahan pentadbiran
- Pertambahan bilangan penduduk
- Tahap pembangunan
- Kemampuan kerajaan negeri dan persekutuan
- Tempoh kajian semula persempadanan 8 hingga 10 tahun

3. Jelaskan **dua** perbezaan antara Majlis Perbandaran dengan Majlis Daerah. [4m]

- **Jumlah penduduk**
  -Majlis Perbandaran mengurus penduduk melebihi 150,000 orang manakala Majlis Daerah mengurus kurang daripada 150,000 orang penduduk
- **Jumlah kutipan hasil**
  -Jumlah kutipan hasil Majlis Perbandaran adalah melebihi RM20 juta setahun manakala jumlah kutipan hasil Majlis Daerah adalah kurang daripada RM20 juta setahun
- **Keagggotaan**
  -Ahli Majlis Perbandaran adalah antara 8 hingga 24 orang manakala Ahli Majlis Daerah adalah antara 8 hingga 12 orang

4. Huraikan **dua** faktor yang menjejaskan sifat integriti penjawat awam. [4m]

- **Individu**
  -Individu yang lemah penghayatan agama dan nilai-nilai murni, lemah disiplin diri dan etika kerja
- **Kepimpinan**
  -Pemimpin yang lemah daya kepimpinan, tidak memberi teladan yang baik dan tidak berwawasan
- **Budaya**
  -Wujudnya budaya rasuah dan sikap mengampu
- **Struktur dan Institusi**
  -Struktur yang tidak kemas dan kurang fokus.
  -Skop, tugas dan tanggungjawab tidak dikoordinasi dengan baik
- **Sistem dan prosedur**
  -Kelemahan sistem, prosedur dan garis panduan kerja

SMK DATUK MANSOR

1. Terangkan **dua** kepentingan Perlembagaan kepada sesebuah negara yang berdaulat. [4m]

- **Mewujudkan satu pemerintahan yang adil**
  -Perlembagaan merupakan undang-undang yang mengandungi peraturan serta prinsip sebagai asas kepada perjalanan sesebuah kerajaan yang adil.
- **Mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh pemerintah**
  -Perlembagaan merupakan panduan kepada kerajaan supaya tidak menyalahgunakan kuasa yang telah diamanahkan.
- **Menjamin pentadbiran yang teratur/cekap**
  -Perlembagaan menjamin hak asasi warganegara supaya hidup aman dan sejahtera.
- **Menjamin hak rakyat/warganegara/hak asasi**
  -Perlembagaan menjamin hak asasi warganegara supaya hidup aman dan sejahtera.
- **Memupuk perpaduan/integrasi**
  -Perlembagan dapat mewujudkan suasana yang boleh menyatupadukan rakyat

2. Nyatakan **tiga** keadaan yang menyebabkan kekosongan luar jangka kerusi Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. [3m]

- Ahli Dewan hilang kelayakan (muflis/dipenjara/hilang akal)
- Ahli Dewan meletakkan jawatan
- Ahli Dewan meninggal dunia
- Ahli Dewan dibatalkan kemenangannya oleh mahkamah
- Memegang jawatan berpendapatan
- Peroleh warganegara asing
- Denda lebih RM2000
- Penjara lebih 1 tahun

3. Nyatakan **empat** tugas Pihak Berkuasa Tempatan. [4m]

- Menguatkuasakan undang-undang kecil tempatan
- Mengeluarkan lesen tertentu / pelbagai jenis lesen
- Merancang dan menyediakan kemudahan-kemudahan awam
- Mengutip cukai-cukai tertentu / pelbagai jenis cukai
- Membina bangunan, perumahan dan unit-unit perdagangan
- Mengurus dan mengawal lalu lintas bandaran
- Menyediakan perancangan tempatan

4 Huraikan **dua** kepentingan daya saing negara kepada sesebuah negara. [4m]

- **Strategi, struktur, dan tingkat persaingan perusahaan**
  -Bagaimana unit-unit perusahaan di dalam sesebuah negara terbentuk, diorganisasikan, dikelolakan, dan bagaimana tingkat persaingan dalam negaranya.
- **Sumber yang terdapat dalam sesebuah negara**
  -Sumber manusia, bahan mentah, ekonomi, berteraskan pengetahuan, modal, dan infrastruktur turut mempengaruhi daya saing sesebuah negara. Sumber-sumber dalaman tersebut menjadi penentu kepada tinggi atau rendahnya daya saing sesebuah negara.
- **Permintaan domestik**
  -Permintaan di dalam negeri terhadap produk tempatan merupakan aspek yang mempengaruhi arah perkembangan sektor industri.
- **Wujudnya industri hiliran**
  -Mampu bersaing pada peringkat antarabangsa. Faktor ini menggambarkan kerjasama antara sektor industri seperti Syarikat PROTON dengan vendornya.
- **Peluang yang wujud**
  -Perkembangan yang berada diluar industri, penemuan baharu, kemunculan teknologi baharu, perkembangan politik luar negara dan perubahan dalam permintaan pasaran asing.
- **Dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan**
  -Memainkan peranan penting untuk meningkatkan lagi daya saing sesebuah negara.

KEDAH

1. Nyatakan **tiga** fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya. [3m]


- Membuat kajian dan persempadanan semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri
- Menjalankan urusan pendaftaran pemilih
- Menjalankan semakan daftar pemilih
- Menjalankan pilihan raya umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri
- Menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan

2. Nyatakan **empat** hak kebebasan beragama bagi rakyat Malaysia menurut Perlembagaan Persekutuan. [4m]

- Berhak menganuti dan mengamalkan agama masing-masing
- Tidak boleh dipaksa membayar apa-apa cukai yang hasilnya diperuntukkan kepada agama lain selain agamanya
- Tiap-tiap kumpulan agama berhak menguruskan hal elwal agamanya sendiri
- Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyelenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama dan khairat
- Tiap-tiap kumpulan agama berhak memperoleh/mempunyai harta/mentadbir harta mengikut undang-undang
- Undang-undang persekutuan boleh mengawal/menyekat pengembangan apa-apa doktrin/kepercayaan agama dalam kalangan orang yang menganut agama Islam

KTEDPG

1. Berdasarkan gambar rajah di atas, nyatakan **empat** fungsi Perundangan X seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. [4m]



- Memanggil, meminta, menghendaki Parlimen /majlis Parlimen bermesyuarat dari semasa ke semasa
- Memberhentikan/memprorog Parlimen
- Membubarkan Parlimen
- Memberikan titah dalam mana-mana sidang majlis/mesyuarat parlimen (Dewan Rakyat/Dewan Negara)
- Memperkenankan rang undang-undang
- Melantik senator/Melantik ahli DN
- Melantik Setiausaha DN/DR /Melantik setiausaha parlimen
- Membatalkan kelayakan seseorang ahli parlimen
- Memperkenankan pemilihan Yang DiPertua Dewan Rakyat/Dewan Negara

2. Kemukakan **tiga** keadaan yang memerlukan pilihanraya diadakan untuk mengisi kekosongan luar jangka Dewan Rakyat. [3m]

- Kematian ahli dewan rakyat / kematian, meninggal dunia
- Peletakan Jawatan ahli dewan rakyat/peletakan jawatan/meletak jawatan
- Hilang kelayakan ahli dewan
- Pembatalan keputusan pilihanraya oleh Mahkamah Tinggi/Mahkamah Pilihanraya

SMK Sungai Ara

1. Nyatakan **tiga** keadaan yang menyebabkan seseorang warganegara Malaysia dilucutkan taraf kewarganegaraan. [3m]

- Telah menjadi warganegara asing.
- Telah menderhaka terhadap kerajaan semasa peperangan.
- Telah membuktikan dia tidak lagi setia kepada negara sama ada melalui percakapan atau tindakannya yang boleh mencemar keselamatan dan kedaulatan negara.

2. Jelaskan **dua** tugas Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) [4m]

- Untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan berhubung hak asasi manusia.
- Untuk menasihati dan membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan, arahan dan tatacara pentadbiran serta mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil.
- Untuk mengesyorkan kepada kerajaan berkenaan dengan menandatangani atau penyertaan dalam perjanjian dan suratcara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia.
- Untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia.

3. Nyatakan **empat** jenis rang undang-undang di Parlimen. [4m]

- Rang Undang-undang Awam/Kerajaan
- Rang Undang-undang Persendirian
- Rang Undang-undang Ahli Persendirian
- Rang Undang-undang Hibrid

4. Jelaskan **empat** kesan sekiranya sistem penyampaian khidmat awam lemah. [4m]

- Wujudnya budaya kerja negatif yang berleluasa.
- Tekanan dan banyak aduan dalam komuniti.
- Mengakibatkan kos operasi yang tinggi dan mahal.
- Menjejaskan reputasi perkhidmatan awam dan kerajaan.
- Menjejaskan kemasukan pelabur-pelabur asing.
- Mengakibatkan usaha pembangunan negara dan negeri terjejas.
- Merosakkan hubungan dan kepercayaan antara kerajaan dengan pihak peniaga/pedagang dan komuniti.

4. Nyatakan **empat** langkah yang dilaksanakan bagi memantapkan lagi Sistem Penyampaian dalam Perkhidmatan Awam. [4m]

- Membangunkan modal insan
- Mewujudkan pengawasan dan kawalan pihak kerajaan terhadap agensi pelaksana
- Memperkenalkan konsep Kepimpinan Melalui Teladan dalam sektor awam
- Menyelaraskan dasar dan polisi antara jabatan dalam setiap kementerian
- Membentuk imej agensi dan jabatan kerajaan yang bersih, cekap, dan telus
- Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang inovatif, kreatif, dan cekap

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar